

200 sertai Perarakan Graduan Berjubah UMS

BH 09.12.2011 29

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mengadakan Majlis Perarakan Graduan Berjubah di sekitar wilayah itu sempena majlis Konvokesyen UMS ke-13, baru-baru ini.

Perarakan yang bermula jam 9 pagi dari Terminal Feri Antarabangsa Labuan hingga ke Kompleks Ujana Kewangan Labuan disertai kira-kira 200 orang termasuk Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon selain dekan, pensyarah dan graduan UMS-KAL.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainul Abidin Abdullah; Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Yunus Kurus; Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Terdahulu, Kamaruzaman berharap graduan akan memanfaatkan

segala ilmu yang diperoleh untuk berkhidmat kembali kepada masyarakat dan menabur bakti sejajar dengan tema majlis berkenaan iaitu "Masyarakat Berilmu dan Berinovasi Menjayakan Transformasi".

"Graduan semua perlu menjadi masyarakat yang bukan saja cemerlang dari segi pemikiran malah turut cemerlang dalam aspek lain termasuk sahsiah," katanya.

Dalam masa sama Kamaruzaman turut mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Labuan atas komitmen mereka bekerjasama dengan UMS-KAL menjayakan majlis perarakan berjubah berkenaan.

"Kita berharap kerjasama padu ini akan berterusan selamanya. Dalam masa sama, saya juga berharap semua graduan akan berkongsi ilmu yang diperoleh di universiti dengan masyarakat secara keseluruhan," katanya.

● AZRI ONN | BERITA HARIAN



DR Shariff (depan) membawa watikah sambil diiringi Dr Kamaruzaman (dua dari kiri), Pegawai Utama UMS, pensyarah dan graduan pada Majlis Perarakan Graduan Berjubah UMS-KAL 2011.